

12/01/2002

Polis siasat rangkaian al-Qaeda di Malaysia (HL)

Kadir Dikoh; Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Polis masih menyiasat sama ada pertubuhan al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden, mempunyai rangkaian (sel) di Malaysia berikutan kira-kira 50 rakyat negara ini dikenal pasti mempunyai hubungan dengannya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam siasatan polis sebelum ini, mereka mengaku pernah menerima latihan daripada Taliban dan kumpulan al-Qaeda di Afghanistan.

"Sama ada mereka menjadikan sel (unit rangkaian al-Qaeda) di Malaysia atau tidak, sama ada mereka menjalankan kegiatan bersendirian, kita tidak tahu.

"Tetapi bagi kita, niat mereka adalah sangat buruk iaitu untuk mencetuskan kekacauan dan cuba menjatuhkan kerajaan secara kekerasan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sayap Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) Dewan Muda, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas lanjut pendedahannya dalam majalah Jepun, Chuokoron mengenai 50 rakyat Malaysia dikenal pasti mempunyai hubungan dengan al-Qaeda pimpinan Osama yang didakwa Amerika Syarikat mendalangi serangan 11 September lalu.

Dr Mahathir menjelaskan, maklumat mengenai angka 50 itu terbongkar selepas kejadian rompakan Southern Bank di Petaling Jaya pada Mei tahun lalu.

Daripada kes itu, pihak berkuasa mendapat tahu bahawa pembunuhan wakil rakyat dan cubaan mencerooboh Balai Polis di Guar Cempedak, Kedah, dilakukan anggota kumpulan 50 orang itu.

"Selepas itu, kita dapat kenal pasti siapa dan kita dapat masukkan mereka dalam tahanan mengikut ISA (Akta Keselamatan Dalam Negara). Sekarang ini saya tak tahulah berapa orang (sedang ditahan), itu kerja polis," katanya tanpa menyatakan sama ada banyak lagi tangkapan akan dibuat selepas ini.

Dalam kejadian rompakan di Southern Bank tahun lalu, dua anggota kumpulan itu ditembak mati, manakala seorang lagi yang melarikan diri ditangkap kemudian.

Susulan kes itu, polis membuat tangkapan lain hingga membongkar kegiatan kumpulan militan, termasuk beberapa anggotanya yang pernah mendapat latihan ketenteraan serta berjihad di Afghanistan dan Ambon, Indonesia.

Hasil siasatan juga mendapati kemungkinan mereka terbabit dalam pembunuhan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas, Dr Joe Fernandez pada November 2000.

Ditanya sama ada 50 orang itu adalah anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Dr Mahathir berkata, mereka menyertai satu kumpulan militan, tetapi mempunyai pendirian berbeza.

"Mereka gunakan sistem sel. Satu sel itu tak tahu sel yang ini, tapi yang atas (pemimpin) tahu di mana nak bagi arahan. Sistem sel ini sama seperti digunakan komunis dulu," katanya.

Ditanya kenapa mereka ditahan mengikut ISA dan tidak didakwa di mahkamah jika kerajaan ada bukti mereka melakukan keganasan, beliau berkata ISA digunakan sebagai langkah pencegahan.

"Di mana mereka terbabit dalam jenayah yang pasti seperti pembunuhan Adun, jika kita dapati bukti cukup, kita akan dakwa (di mahkamah), tetapi seperti anda tahu, ISA adalah undang-undang pencegahan.

"Undang-undang pencegahan bermakna menahan mereka sebelum jenayah

dilakukan. Adalah malang jika anda membenarkan mereka melakukan jenayah dulu sebelum didakwa iaitu selepas pembunuhan berlaku. Idea kita ialah sebelum dia membunuh seseorang atau meletupkan bom, kita tangkap dia dulu," katanya.

Mengenai aduan kesukaran menemui tahanan ISA, beliau berkata tahanan mengikut undang-undang itu memang tidak boleh ditemui oleh orang ramai, kecuali badan tertentu seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dengan bersyarat.

Mengenai kenyataan Pas bahawa dakwaan mereka mengenai sandiwara peristiwa Sauk cuma ditujukan kepada kes rompakan senjata dari kem tentera di Grik, bukannya kematian dua anggota tentera, Dr Mahathir berkata beliau ingin tahu siapa yang melakukan rompakan senjata itu.

"Kalau dia orang yang sama, macam mana dia nak kata itu adalah sandiwara, sedangkan senjata itulah yang diguna untuk membunuh orang. Saya tak tahu... cara putar belit ini saya tak beberapa fahamlah.

"Tetapi sandiwara rompakan senjata itu adalah pencetus kepada pembunuhan dua orang anggota polis dan tentera ini. Sebenarnya Pas memainkan isu sandiwara kerana mahu memburukkan kerajaan kononnya kerajaan ini bersandiwara.

"Kerajaan selalu sandiwara, konspirasi, semua sandiwara... tak ada alasan kerana benda itu benar, jadi dia cuba nak menidakkan kebenaran. Tetapi bagi Pas, menidakkan kebenaran adalah amalan biasa. Pas tak pernah mengaku kebenaran, ia sanggup berbohong, termasuk dalam tafsiran al-Quran pun dia bohong juga," katanya.

(END)